



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 38(b)

Hanya dibuka untuk bagi pemohon daripada kalangan Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian / Jabatan dimana kekosongan jawatan diiklankan sahaja.

**PEGAWAI PERTANIAN KANAN (B.3)
JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak memohon.

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di **Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan**.
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kersmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.



**PEGAWAI PERTANIAN KANAN
JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
B.3 (\$3,880 - \$4,240 EB KHAS \$4,360 - \$4,840 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang *Agriculture / Agriculture Science / Food Science and Nutrition / Food Technology* atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.
- b) Telah berkhidmat di Jabatan Pertanian dan Agrimakanan sebagai Pegawai Pertanian atau dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.2 EB.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

2. Bagi yang tidak mempunyai Ijazah, hendaklah telah berkhidmat di Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.2 atau sebanding tidak kurang dari 8 tahun.
3. Mempunyai laporan penilaian prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Merancang dan memantau pelaksanaan strategi, program dan projek bagi meningkatkan akses pasaran produk-produk pertanian dan agrimakanan termasuk akses ke pasaran eksport;
2. Merancang dan memantau pelaksanaan strategi, program dan projek bagi meningkatkan jaminan mutu dan keselamatan hasil-hasil pertanian dan agrimakanan termasuk berkaitan pemprosesan, pembungkusan, perlabelan menurut amalan-amalan yang terbaik;
3. Mengenalpasti dan memantau pelaksanaan program pemindahan teknologi bagi meningkatkan produktiviti dan pengeluaran industri pertanian dan agrimakanan;



4. Meneroka strategi dan pendekatan yang bersesuaian bagi mewujudkan peluang-peluang pelaburan dan perusahaan tempatan dalam industri pertanian dan agrikulturan;
5. Merebut dari semasa ke semasa insentif-insentif yang menjurus kepada mendokong pertumbuhan keluaran dan peningkatan produktiviti dalam industri pertanian dan agrikulturan;
6. Mengurus dan memantau penggunaan peruntukan-peruntukan di bawah Perbelanjaan Tahunan dan Rancangan Kemajuan Negara (RKN) yang mendokong langsung kepada pelaksanaan strategi, program dan projek yang berkaitan;
7. Berperanan sebagai pegawai fokal dalam hal-hal kerjasama serantau dan antarabangsa yang berkaitan dengan bidang tugas dalam industri pertanian dan agrikulturan; dan
8. Melaksanakan tugas-tugas lain sepertimana yang diarahkan oleh Ketua Jabatan bagi mambantu dari semasa ke semasa.